

Memperkasa modal insan dalam sistem pendidikan

BH 21/06/07 M1511

KERAJAAN membelanjakan lebih RM200 juta setahun untuk memerangi dadah dan proses pemulihan penagih. Pelbagai badan dan agensi ditubuhkan untuk tujuan itu seperti Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (2004), Agensi Anti Dadah Kebangsaan atau AADK (1996), Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) (1976) dan Majlis Anti Dadah Kebangsaan, malah Akta Dadah Berbahaya 1952 sudah dipinda beberapa kali untuk memberikan hukuman lebih berat.

Kerajaan juga memperkenalkan pelbagai sistem dan saranan mengatasi gejala sosial yang kian meruncing, termasuk cadangan pemberian kondom percuma dan pemakaian seluar dalam besi. Namun, ia seolah-olah seperti Amerika Syarikat yang mengeluarkan belanja besar untuk mengatasi masalah peminum arak. Namun, tabiat itu semakin berleluasa dan sukar dibendung sehingga negara itu terpaksa membatalkan undang-undang larangan itu.

Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) melihat perlunya satu transformasi dalam sistem pendidikan masa sekarang. Kita tidak boleh terus-menerus terjerat dalam dunia ciptaan Barat seperti disebut Alan Richardson. Kita perlu keluar daripada kesempitan dunia ini kepada keluasan pemikiran melangkaui horizon dunia menuju akhirat.

● Pertama; Penerapan nilai rohaniah. Sir Iqbal ada mengkritik sistem pendidikan masa sekarang dengan menyifatkan 'sistem pendidikan sekarang tidak mengajar air mata penuntut untuk menangis dan tidak melahirkan hati yang khusyuk'. Imam al-Alusi apabila menerangkan ayat ke-9 dalam Surah al-Zumar menyatakan kepentingan memiliki ilmu dan beramal dengannya; menghidupkan malam dengan sujud dan rukuk dan bimbang nasib di akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhan-Nya.

Justeru, penerapan nilai murni yang diperakui Kementerian Pendidikan (2004) sepatutnya dilaungkan dan diagendakan semula secara sistematik dan terancang. Sikap baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, dan semangat bermasyarakat perlu diperkasakan.

● Kedua, Kebebasan berfikir. Kita kadang-kadang perlu melihat kemajuan yang dicapai dunia Barat dalam bidang keilmuan. Mereka tidak mencampur-adukkan nilai keintelektualan dan akademik dengan peribadi mereka. Intelektual mereka boleh menerima apa saja pandangan, meskipun bertentangan dengan pendapat peribadi, mereka sendiri melakukan penyelidikan dan penulisan mengenai ilmu Islam.

Ilmuan kerap mementingkan perkembangan akal pemikiran tanpa batas sentimen. Edward De Bono sebagai contoh memperkenalkan pemikiran lateral. Pengajian untuk murid sekolah rendah tidak menjemukan, sebaliknya menghiburkan. Inilah disebut Albert Einstein, *The imagination is more power than knowledge*.

● Ketiga; Menyahkan pragmatisme dan utilitarianisme. Abdul Rahman Abdullah dalam Wacana Falsafah Ilmu (2005) menyatakan aliran pragmatisme dan utilitarianisme, iaitu sistem pendidikan dirangka berdasarkan kepentingan semasa atau bersifat trendy kini agak dominan.

Penguasaan dalam Information Technology (IT) sangat ditekankan sekarang. Namun, perlu diingat Prof Dr Hassan Langgulung menyatakan IT adalah kemahiran, bukannya ilmu. Begitu juga unsur hedonisme yang kian menguasai dunia pendidikan masa sekarang sehingga menyisihkan unsur perenialisme dan esensialisme.

Terlalu banyak perkongsian yang mungkin boleh dibuat dalam membentuk sistem pendidikan nasional yang lebih bersifat *wisdom* dalam membentuk keperibadian unggul. Pandangan ini tidak menafikan pelan dirangka kerajaan, malah menyokong kesungguhan Perdana Menteri dalam membuat perubahan, namun kemungkinan ia boleh diperhalusi lagi.

Malah, pandangan anak muda seperti diketengahkan Solidariti Mahasiswa Malaysia dalam Student Rights Day pada 8 Jun 2007 yang menuntut pendidikan berimbang dan adil, memberi perhatian terhadap pembentukan modal insan melalui sistem yang holistik dan berdaya tahan, keadilan, kebebasan, keberanian, pelaksanaan pendidikan yang telus dan tidak dipolitikkan, perlu mendapat perhatian kalangan ahli akademik dan kerajaan.

Sistem dan nilai pendidikan tidak harus dipolitikkan, namun individu tidak seharusnya dilarang berpolitik.

Simposium dan wacana ilmu membabitkan golongan terpelajar mesti diadakan. Himpunkan profesor, ulama, mahasiswa dan seumpama dengannya untuk membahaskan sistem pendidikan seperti diharapkan Sir Iqbal. Kita meyakini sistem pendidikan yang mengadunkan antara nilai duniawi dan ukhrawi pasti dapat mencapai matlamat *Human Capital* dan *Intellectual Capital* seperti dicanangkan.

Karya agung mengenai ilmu mesti didiskusikan semula. Karya Franz Rosenthal (*Knowledge Triumphant*), Al-Syatibi (*Pendidikan Menurut al-Syatibi*), Al-Nawawi (*Riyad al-Solihin*), Al-Ghazali (*Ihya Ulum al-Din*), dan banyak lagi. Begitu juga wacana mengenai kehidupan tokoh terkemuka seumpama Ibn Sina (perubatan), Al-Biruni (astronomi), Al-Batani (pertanian), Al-Khawarizmi (matematik) dan lain-lain termasuklah failosuf Yunani, Archimedes, Aristotle dan Xenophonos.